

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 NOVEMBER 2023

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 18

## 4,100 isi rumah rasai peningkatan pendapatan

### PELAKSANAAN IPR

## 4,100 isi rumah rasai peningkatan pendapatan

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang menyasarkan peningkatan pendapatan golongan miskin tegar dan kumpulan B40 telah memberikan manfaat kepada 4,100 isi rumah sehingga kini.

Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata, IPR adalah satu daripada langkah intervensi bersifat jangka masa pendek dan sederhana yang dilaksanakan kerajaan dalam usaha menamatkan kemiskinan tegar tahun ini.

"IPR yang dilaksanakan meliputi penyediaan ekosistem yang lengkap dan bantuan bukan wang yang diberi kepada peserta bagi menyokong dan menggalakkan mereka menjalankan aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan tambahan secara mampan.

"Untuk makluman, sehingga kini kira-kira 4,100 isi rumah telah mendapat limpahan manfaat hasil pelaksanaan IPR," katanya pada Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri, di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan **Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin)** berhubung perkembangan semasa berhubung hasrat kerajaan untuk menjadikan 2023 sebagai tahun menamatkan kemiskinan tegar serta kadar kemiskinan terkininya.

Dengan peruntukan sebanyak RM750 juta diterima menerusi Belanjawan 2023, IPR menyasarkan membantu kira-kira 130,000 orang rakyat paling susah tanpa mengira latar belakang kaum untuk keluar dari belenggu kemiskinan.

Beliau berkata, IPR dilaksanakan menerusi tiga model iaitu Inisiatif Usahawan Tani (Intan), Inisiatif Usahawan Makaan (In-

san) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (Iksan).

Sementara itu, dalam usaha meningkatkan penyertaan golongan sasaran dalam inisiatif IPR, Rafizi berkata semua agensi kerajaan telah diminta mengenal pasti isi rumah berpendapatan rendah bagi diserapkan dalam mana-mana program bersesuaian di bawah IPR menjelang akhir tahun ini.

Beliau berkata selain IPR, Iltizam kerajaan menamatkan kemiskinan tegar juga dilaksanakan melalui pelbagai langkah di bawah Belanjawan 2024 termasuk meneruskan inisiatif Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (Sara), Pa-yung Rahmah dan subsidi kepada pesawah dan pekebun kecil serta projek pembaikan membabitkan infrastruktur luar bandar dan program pembasmian kemiskinan.

"Selain itu, kerajaan juga bersetuju mempertingkatkan bantuan tunai khas secara bulanan kepada isi rumah yang tidak berkemampuan untuk menjana pendapatan atau pun golongan tidak produktif bagi memastikan mereka terkeluar dari miskin tegar," katanya.

Dalam pada itu mengenai proses pemutihan program eKasih, Rafizi berkata setakat September 2023, lebih kurang 80,000 isi rumah telah dibersihkan dalam senarai eKasih.

Beliau berkata, pemutihan yang dijalankan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) itu dilaksanakan dengan melaku-

kukan semak silang secara masa nyata dengan jabatan kerajaan berkaitan selain menggalakkan data semasa di Kementerian Ekonomi.

